

# Politik bermoral atasi soal perkauman

SISTEM politik hari ini wajar dilihat sebagai pendekatan terbaik untuk memastikan cabaran ke atas hubungan antara kaum dapat diatasi. Mekanisme secara perundingan dan konsultansi melalui pakatan besar parti gabungan Barisan Nasional (BN) menjadi jambatan yang menghubungkan kesemua parti politik yang rata-rata ditubuhkan atas dasar latar belakang kaum.

Apa yang seringkali dilakukan adalah untuk menonjolkan peranan, komitmen dan acuan BN yang menampilkan ke-  
muafakatan antara pelbagai kaum yang bersama dalam pakatan ini dan membolehkan apa sahaja isu yang diketengahkan dihalusi secara kolektif di belakang tabir. Peristiwa 13 Mei 1969 selalu diingati walaupun ada pihak menyatakan bahawa populasi negara sudah matang dan tidak perlu kembali semula ke alaf tersebut.

Sekadar peringatan, rusuhan perkauman tersebut tidak berakhir dengan bencana infrastruktur tetapi juga melibatkan nyawa. Soalnya, benarkah kita sudah dewasa kerana pembangunan pesat, peningkatan dalam kelompok celik huruf dan kedudukan negara di persada antarabangsa?

Jika benar sudah matang, sudah pasti yang akan diamalkan adalah politik bermoral dan bukannya politik perkauman.

Ini tidak berlaku dalam kalangan pembangkang di DUN Machap dan sudah pasti perlakuan ini akan diulangi di DUN Ijok.

Politik bermoral dirujuk kepada usaha melahirkan pemimpin dan pengikut yang mempunyai hubungan resiprokal yang harmoni, bertunjangan nilai-nilai mulia, murni dan beretika dalam penglibatan politik seseorang individu. Yang diutamakan adalah tanggungjawab, amanah dan kejujuran ke atas rakyat dan negara.

Wakil rakyat tahu peranan dan fungsinya dalam masyarakat iaitu bukan sekadar memenuhi tuntutan dan keperluan kawasannya tetapi wakil rakyat juga merupakan mekanisme yang akan dan sepatutnya digunakan oleh orang ramai untuk memperlihatkan tanggungjawab pada Perlembagaan, Rukun Negara dan dasar yang diamalkan.

Martabat DUN dan Parlimen bergantung bukan kepada kelantangan menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap kaum lain tetapi kekuatan secara berhemah mengukuhkan penginstitutionan agensi dan jabatan serta memenuhi perincian kependudukan tanah air.

Politik bermoral boleh dijadikan perintis kepada penjenamaan semula ke atas skop hubungan antara kaum yang boleh diberi penekanan terutamanya da-

Um - 23/4/2007.  
lam kempen pilihan raya. Jikapun mahu berpolitik, garis panduan politik berhemah perlu dituruti; mengetepikan isu perkauman atau serangan ke atas karakter seseorang untuk kepentingan sendiri. Jika ini keadaannya, bagaimanakah parti yang bertanding di Ijok akan tahu batasanya apabila sudah ada perang siber digunakan untuk mendekati pengundi.

Pengundi tahu prestasi mendiang Datuk K. Sivalingam dan bakal penggantinya sedar beban tanggungjawabnya. Pemilihan calon untuk kawasan ini bukan mudah memandangkan pembangkang juga sudah lama berusaha menawannya.

Pengumuman K. Parthiban sebagai calon BN merupakan teras kepada kesungguhan BN untuk mempertahankan kerusi ini. "Saya akan pastikan kerusi ini kekal di tangan BN, saya merayu tuan-tuan dan puan-puan tolonglah saya," merupakan ungkapan yang sewajarnya menerima sokongan ramai memandangkan beliau bersedia berkhidmat dan mahu belajar dan diajar.

Pengalaman beliau sebagai pegawai ko-akademik, Setiausaha MIC Bahagian Tanjung Karang dan penglibatan dalam Rukun Tetangga serta kegiatan beliau merupakan kombinasi seorang pemimpin berwibawa beserta latar belakang pendidikan yang baik.

Walaupun ada yang berpendapat BN

bakal berhadapan dengan saingan getir daripada pembangkang kerana pola pengundian dan tingkah laku pengundi berdasarkan kepada faktor etnik dan bukan parti, suasana semasa menunjukkan reaksi yang berbeza. Pola pengundian berasaskan kepada faktor latar belakang hanya berlaku dalam kelompok ekstremis yang semakin terkawal dalam persekitaran hari ini. Ketandusan isu juga boleh menyebabkan pembangkang terperangkap dengan mengulangi strategi yang sama iaitu menggunakan isu perkauman dalam kempen mereka.

Pengundi mestilah matang dalam menghalusi isu yang dibawa oleh parti dan calon. Pengundi tahu apa sebenarnya keperluan mereka dan tidak akan tunduk kepada faktor ideologi dalam pemangkahan undi mereka. Lunas merupakan satu pengajaran dan bukan iktatan. Sejarah baru akan lahir di Ijok bahawa atas semangat muhibah dan ke-  
muafakatan dalam parti gabungan besar BN dan menolak sama sekali politik perkauman yang cuba ditampilkan oleh pembangkang secara tersembunyi dalam pilihan raya kecil di Ijok ini.

**- DR. SIVAMURUGAN PANDIAN,  
Pusat Pengajian Sains  
Kemasyarakatan,  
Universiti Sains Malaysia.**